

Hadiah hari lahir Mat Ropi

PETINJU Kelab Muay Thai Kuda Merah PDRM, Mohd Rafi Abdul Manaf menerima hadiah hari lahir yang cukup bermakna selepas menewaskan wakil Thailand, Wan Muhammad Kittyamat daripada Kelab Red Wolves di pentas 'King of The Ring' Kejohanan JWP-DBKL Kuda Merah Muay Thai Challenge 2024 pada Sabtu, lapor **MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY**.

Bagaimanapun, kemenangan yang diraih itu tidak mudah apabila Mohd Rafi atau lebih dikenali sebagai Mat Ropi menerima tentangan sengit daripada petinju dengan gelaran Denkao San itu sebelum pertarungan ditentukan dengan kiraan mata.

Kedua-dua petinju juga menampilkan aksi agresif dalam pertarungan lima pusingan itu, namun juri menilai kelebihan memihak kepada Mat Ropi sekali gus merangkul Tali Pinggang Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Bagi Mat Ropi, kemenangan itu merupakan rezeki baginya apatah lagi kiraan mata sangat hampir dan sukar baginya untuk menewaskan Denkao San.

"Bagi saya, Denkao merupakan petinju yang sangat hebat dan kiraan mata adalah 50-50 dengan sesiapa sahaja boleh menang.

"Saya agak gementar sebelum keputusan diumumkan. Ini juga pertama kali saya beraksi pada tarikh hari lahir saya dan syukur kemenangan berpihak kepada saya," katanya se-

lepas perlawanan.

Untuk rekod, seramai 28 petinju muay thai dalam dan luar negara akan berentap merebut gelaran dalam kejohanan edisi ke-73 di Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur itu.

Sebanyak tujuh pertarungan disajikan kepada penonton yang hadir dengan beberapa perlawanan menjadi tumpuan pada hari pertama itu.

Antara yang mencuri tumpuan adalah pertarungan bagi kategori wanita yang menyaksikan petinju daripada Cosmic Johor, Dhamia Khaulah mencipta kejutan menewaskan Raja Izaty daripada kelab Head Hunter Perak untuk merangkul tali Pinggal SimplySiti.

Selain itu, aksi sengit juga ditampilkan pada pertarungan merebut Tali Pinggang Tourism Malaysia apabila Haikal dari Hallo Fight Club menewaskan Akid Mikdam menerusi kiraan mata.

Keputusan TKO juga mewarnai saingan tersebut apabila Hazami daripada PDRM Pulapol Kuala Lumpur berjaya menumbangkan Syakir daripada FGTS Muaythai Gym untuk merangkul Tali Pinggang Komandan Pulapol.

Petinju daripada kelab Shark Muaythai, Kin Kai Tze pula menewaskan Ikmal Arief Kamarul Azlan manakala Tali Pinggang Lah Sany diraih Zul Fazlie Shahmi Zaizul daripada kelab FDM Muaythai selepas menewaskan Ahmad Hafizi daripada Jordan Top Team.

FOTO : SINAR HARIAN/MOHD HALIM ABDUL WAHID



Mat Ropi (kiri) menahan asakan daripada Denkao.